

Bilangan kediaman di Malaysia cecah 10.9 juta

Bilangan tempat kediaman (TK) di Malaysia terus mencatat peningkatan ketara apabila mencecah 10.9 juta unit pada 2025 berbanding 9.6 juta unit pada 2020, dengan kadar purata pertumbuhan tahunan 2.5 peratus.

Selangor kekal merekodkan bilangan tempat kediaman tertinggi dengan 2.5 juta unit pada 2025, menurut Laporan Khas: Tempat Kediaman Malaysia yang diterbitkan semalam.

Laporan itu menghimpunkan statistik komprehensif meliputi jenis kediaman, status pemilikan, sebab kekosongan, kadar sewa serta akses kepada kemudahan asas dan awam sehingga ke peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata trend pertumbuhan tempat kediaman negara menunjukkan perubahan selari dengan perkembangan demografi semasa.

“Sepanjang 1970 hingga 2025, kadar purata pertumbuhan tahunan TK tertinggi direkodkan pada 1980 iaitu 4.5 peratus, manakala pertumbuhan penduduk tertinggi dicatatkan pada 1991 sebanyak 2.6 peratus.

“Ini mencerminkan Malaysia kini memasuki fasa keempat transisi demografi dengan kadar kelahiran yang semakin perlahan,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Dari segi negeri, kadar pertumbuhan tahunan TK tertinggi pada 2025 direkodkan di Putrajaya sebanyak 4.1 peratus, diikuti Johor sebanyak 3.0 peratus dan Melaka 2.9 peratus, sejajar trend yang turut direkodkan pada 2020.

Padaperingkat daerah, Petaling, Selangor merekodkan bilangan TK tertinggi dengan 679,812 unit, diikuti Johor Bahru 610,314 unit dan Ulu Langat 431,574 unit, mencerminkan tumpuan pembangunan di kawasan bandar utama.

Dari segi jenis kediaman, rumah bertanah terus mendominasi dengan 73.1 peratus, diikuti kediaman bertingkat tinggi 22.8 peratus dan lain-lain 4.1 peratus.

Perlis mencatat peratusan tertinggi kediaman bertanah, manakala Putrajaya mendominasi kategori kediaman bertingkat tinggi.

Status pemilikan pula menunjukkan majoriti kediaman adalah milik persendirian sebanyak 71.4 peratus, diikuti kediaman persendirian yang disewa sebanyak 18.9 peratus.

Pemilikan oleh lelaki jauh mengatasi wanita, masing-masing sebanyak 84.2 peratus berbanding 15.8 peratus.

Dari sudut pembiayaan, pinjaman institusi kewangan menjadi kaedah utama memiliki kediaman dengan 45.8 peratus, diikuti pembinaan sendiri sebanyak 32.8 peratus serta pusaka atau hadiah 14.4 peratus.